

Sumber rujukan mudahkan Islam difahami

UM 10 NOV 2001

Oleh ABDUL HAMID MUHAMMAD
dan ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 9 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pengenalan sumber rujukan Islam melalui teknologi komunikasi terbaru akan dapat membantu orang bukan Islam dan orang Islam sendiri lebih memahami tuntutan agama itu.

Perdana Menteri berkata, kekurangan sumber rujukan dan juga pendedahan negatif oleh media asing telah menyebabkan Islam menjadi agama yang paling disalah anggap di dunia melalui gambaran bahawa umat Islam bersikap berdendam, tidak boleh menerima perubahan dan tidak suka kepada kemajuan.

“Ia (sumber rujukan) juga membolehkan Islam lebih difahami (secara bebas) dan tidak bergantung sepenuhnya kepada ajaran mereka yang mempunyai agenda lain,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap melancarkan Pusat Penyelidikan Islam dan Al-Quran Digital di Muzium Kesenian Islam Malaysia di sini hari ini.

Perdana Menteri merujuk kepada Al-Quran Digital dipanggil Al-Murshid, iaitu perisian ayat-ayat suci al-Quran dalam perkakasan komputer telapak (PDA) Compaq iPAQ yang dibangunkan oleh Frazer-Nash Research Ltd. dari United Kingdom.

PDA itu menawarkan bacaan ayat-ayat suci secara interaktif dengan pilihan untuk mendengar mana-mana surah, terjemahan makna kepada bahasa Melayu atau Inggeris dan pelbagai fungsi lain termasuk menunjukkan arah kiblat.

Menurut Perdana Menteri, jika sumber rujukan Islam yang sebenar tidak diperoleh, pihak-pihak tertentu yang mahu menggunakan agama untuk kepentingan politik boleh memanipulasi ayat-ayat suci bagi mempengaruhi umat Islam lain.

“Ada orang yang ‘merampas’ Islam dan menggunakannya untuk kepentingan dunia, untuk melabel kerajaan-kerajaan negara Islam sebagai tidak Islamik dan sebagainya.

“Banyak sekolah dan madrasah di seluruh dunia termasuk Malaysia yang kanak-kanaknya diajar supaya membenci kerajaan dan kononnya agama mereka mensyaratkan supaya kerajaan-kerajaan ini ditumbangkan,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, sesebuah kerajaan Islam tidak sepatutnya dilabelkan sebagai tidak Islam semata-mata kerana tidak melaksanakan sebahagian kecil daripada undang-undang syariah seperti hukum hudud.

“Islam sebenarnya mahukan keadilan diberikan kepada semua orang, tetapi golongan penentang kerajaan itu tidak pedulikan semua itu kerana mereka lebih mementingkan tatacara daripada keadilan,” tegas beliau.

Dr. Mahathir berkata, hukum hudud tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia pada masa ini kerana ia boleh menimbulkan lebih banyak ketidakadilan.

Bagaimanapun, menurut beliau, itu tidak bermakna kerajaan enggan melaksanakan hukum itu di negara ini.

“Inilah masalah yang dihadapi oleh kerajaan, setengah pihak dakwa kerajaan Malaysia tak Islam kerana tidak melaksanakan hukum itu,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau percaya pemba-

ngkang akan menyerangnya apabila mengatakannya itu tidak sesuai dilaksanakan di negara ini.

“Saya sedar pembangkang akan gunakan ucapan ini untuk menyerang saya kerana tidak Islam, tapi saya orang Islam, mereka tak boleh ambil agama Islam daripada saya.

“Mereka juga tidak boleh ambil agama orang Islam lain, mereka tidak boleh lakukannya kecuali Allah yang tentukan sama ada kita Islam atau tidak,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus mentadbir negara ini mengikut persepsi dan konsep Islam meskipun sesetengah pihak melabelkannya sebagai bukan Islam.

“Di Malaysia, kita hidup dan jalan pentadbiran mengikut kehendak Islam, pegangan kita adalah jelas.

“Kerajaan akan terus melindungi Islam seperti yang kita fahami tanpa mengira banyak mana kita diserang (secara lisan), atau juga diserang secara kekerasan,” tambah beliau.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam sidang akhbar selepas itu berkata, usaha mem-

rangi keganasan akan lebih berkesan sekiranya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerajui perikatan menggempur semua pengganas.

Pada masa sekarang, katanya, usaha itu sedang diarah, diurus dan disusun oleh Amerika Syarikat yang jelas masih marah terhadap apa yang berlaku pada 11 September lalu.

“Jika kita mahu mengadakan perikatan sedunia menentang pengganasan, ia tidak boleh hanya bertumpu kepada usaha untuk membalas dendam terhadap apa yang berlaku pada 11 September.

“Ini kerana masih ada banyak pengganas lain, bukan sekadar Al-Qaeda atau Osama bin Laden sahaja,” kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, walaupun Malaysia mahu PBB membuat resolusi bagi menghentikan serangan AS terhadap Afghanistan atas alasan memerangi pengganas, badan dunia itu tidak boleh diharap untuk melakukannya.

“Kita mahu melihat (resolusi) tetapi seperti yang anda tahu, PBB tidak lagi menyuarakan pandangan majoriti,” kata Perdana Menteri.